

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kosmo Online

TARIKH : Sabtu, 16 Mac 2019

**Kosmo!** Online

### Paip bocor punca tanah runtuh belakang Perpustakaan Negara

16 Mac 2019 9:33 PM



Kakitangan Perpustakaan Negara melihat runtuh tanah dipercayai berpunca daripada paip bawah tanah dari kawasan asrama UKM KL yang pecah hari ini. Foto oleh Bernama

KUALA LUMPUR - Kebocoran paip air Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dipercayai menjadi punca runtuh tanah di belakang Perpustakaan Negara di Jalan Tun Razak di sini petang tadi.

Menurut jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian pada pukul 5.06 petang.

"Kami segera mengerahkan seramai enam anggota dan pegawai bersama sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Razak ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan," katanya dalam kenyataan di sini malam ini.

Beliau berkata, pasukan bomba yang tiba di lokasi kejadian mendapati terdapat pergerakan tanah yang berpunca dari kebocoran pair air namun tidak melibatkan struktur bangunan.

Katanya, anggota bomba telah memastikan keadaan selamat untuk orang awam dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku. - Bernama